

# UMS tak benar pelajar keluar selepas jam 11 malam

➔ Langkah elak universiti dipersalahkan jika berlaku kejadian tak diinginkan

BH 25.4.2017 11  
Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah  
bhnews@bh.com.my  
Kota Kinabalu

Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah drastik mengetatkan peraturan keluar masuk pelajar di kampus universiti itu pada waktu malam bagi memastikan kejadian pelajar terbabit dalam kemalangan tidak berulang. Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata langkah itu juga bagi memastikan pihak universiti tidak dipersalahkan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diinginkan mem-

babitkan pelajarinya. Katanya, peraturan UMS menetapkan pergerakan keluar masuk pelajar di kawasan kampus dan kediaman pelajar tidak dibenarkan selepas jam 11 malam demi kebajikan dan keselamatan warga kampus.

**Keselamatan pelajar**  
"Perkara ini akan diteliti kerana keselamatan pelajar adalah tanggungjawab universiti. "Kita tidak mahu ada sesetengah pihak khususnya ibu bapa menyalahkan universiti jika berlaku kejadian tidak diinginkan," katanya. Beliau berkata demikian selepas majlis pelepasan Konvoi Rentas



Jainab bersama Mohd Harun pada majlis perasmian dan Pelepasan Konvoi Rentas Borneo Ekspedisi Permata Rimba Magandai di UMS, semalam.

Borneo 4: Ekspedisi Permata Rimba Magandai, di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Jainab Ahmad.

Dalam kejadian pada jam 2.41 pagi kelmarin, dua pelajar UMS, Mohd Haidil Amran, 23, dan Nur Azlina Tan, 22, maut selepas kereta dinaiki mereka terbabas dan merempuh pokok di Jalan Tun Fuad Stephen, di sini.

Difahamkan, pelajar terbabit dalam perjalanan balik selepas menghadiri majlis makan malam peringkat fakulti di sebuah hotel di sini yang selesai pada jam 10 malam, Sabtu lalu.

Mohd Harun berkata, pihaknya

**Fakta nombor**

## 2 PELAJAR

UMS maut selepas kereta rempuh pokok di Jalan Tun Fuad Stephen

hanya memberi kelonggaran kepada pelajar yang mengalami masalah atau kes kecemasan untuk keluar atau masuk ke kawasan universiti selepas jam 11 malam.

**Perlu ambil iktibar**  
Katanya, tindakan pelajar melanggar peraturan adalah kesalahan dan boleh dikenakan tindakan disiplin termasuk kad matrik ditahan pihak keselamatan universiti. "Kita perlu mengambil iktibar daripada kejadian yang menimpa dua pelajar itu agar kejadian sama tidak berulang. "Apa yang penting ialah mereka sentiasa mematuhi peraturan yang digariskan pihak universiti," katanya.